

## **SISTEM PEMANTAUAN BARANG TAHANAN (CPMOS)**

MOHD DZULKARNAIN BIN ISHAK

ASSOC. PROF. DR. MD. JAN NORDIN

*Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia*

### **ABSTRAK**

Teknologi maklumat dapat membantu menyelesaikan pelbagai permasalahan yang berbangkit dari kaedah manual kepada sistem berkomputer untuk mengafasi masalah serta menjimatkan masa dan kebergantungan kepada tenaga kerja manusia. Sistem maklumat yang dibangunkan ini adalah bertujuan untuk membantu untuk memudahkan pelbagai pihak samada organisasi besar atau kecil ataupun kepada pengguna umum. Sistem Pemantauan Barang Tahanan Kastam (CPMos) berasaskan aplikasi web dibangunkan untuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur bagi Cawangan Pos Mel dan Kurier bertujuan untuk membantu pegawai penyelia stor barang tahanan memantau dan menguruskan barang-barang yang ditahan sementara atau barang larangan import. Sistem ini bukan sahaja memudahkan penyelia stor, malah sistem ini dapat menjamin keselamatan data dan barang tahanan daripada dipindah maklumat atau diubahsuai oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Sistem ini juga membantu dalam menguruskan pelupusan barang rampasan yang telah tamat tempoh tahanan. Laporan-laporan dapat dijana dengan lebih bersistematik supaya jabatan dapat membuat statistik dan pemerhatian terhadap barang-barang yang kerap diimport masuk ke Malaysia melalui Parcel atau bungkusan udara.

## 1. PENGENALAN

Jabatan Kastam Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (JKDM LTA KL) merupakan salah satu pintu masuk utama bagi dagangan import dan eksport antarabangsa. Selain kemasukan dagangan import melalui kargo, terdapat juga dagangan yang diimport melalui parcel dan bungkusan mel udara. Stesen Kastam Pos Dan Mel Kurier JKDM LTA KL merupakan stesen yang bertanggungjawab dalam menguruskan parcel dan bungkusan yang di import melalui Pos Mel Udara. Kesemua bungkusan pos yang diterima akan dikumpulkan dan diimbis oleh Kastam sebelum ianya diagihkan kepada pejabat pos seluruh negara untuk diserahkan kepada penerima bungkusan tersebut. Pihak Kastam Pos Dan Mel Kurier JKDM LTA KL bertanggungjawab memantau kemasukan barangan yang di import melalui pos udara supaya mematuhi syarat pengimportan dagangan Akta Kastam 1987 dan Perintah Tetap Kastam Bil.47 dipatuhi oleh pengirim dan penerima bungkusan pos udara.

Kastam Pos Dan Mel Kurier JKDM LTA KL juga tidak ketinggalan dalam penggunaan sistem aplikasi komputer. Ianya menjadi satu keperluan pada masa kini dan merupakan suatu medium untuk membantu dalam mempercepatkan sesuatu proses norma kerja. Dengan adanya pelbagai perkhidmatan komputer yang dibangunkan di dalam bentuk aplikasi web, ianya dapat memudahkan warga Kastam dan pengguna mencapai maklumat untuk mempercepatkan urusan seharian. Statistik pengimportan melalui pos udara meningkat saban tahun memerlukan pihak Kastam bekerja secara efisien dan sistematik untuk mengelakkan dari kelewatan proses penghantaran bungkusan atau parcel yang diterima dari cawangan ini.

Satu sistem pemantauan barang tahanan (CPMos) dibangunkan untuk membantu Pegawai Penyelia Tahanan Bungkusan / Parcel untuk memantau bungkusan atau parcel yang ditahan sementara oleh pihak Kastam. Bungkusan dan parcel ini ditahan kerana memerlukan permit kelulusan dari Agensi Kerajaan lain (OGA) seperti SIRIM, Jabatan Farmasi, POLIS Diraja Malaysia, MITI dan lain-lain yang bertanggungjawab memberikan kelulusan import mengikut Akta Kastam 1967. Bagi parcel dan bungkusan tidak dituntut oleh penerima dan juga barangan larangan mutlak seperti bahan lucah dan sebagainya perlu ditahan dan akan ditempatkan di dalam Stor Tahanan Kastam sebelum proses pelupusan dilakukan sekiranya tidak dituntut, melanggar Akta Kastam 1967 atau tidak mendapat kelulusan dari pihak OGA.

Barang pos yang tidak dituntut dalam masa 30 hari dari tarikh Notis Tahanan Kastam yang dikeluarkan (JK78) atau pihak Kastam tidak mendapat maklumbalas dari penerima dalam masa 30 hari pihak Pos Malaysia Berhad (PMB) akan menyerahkan barang tersebut kepada Kastam Pos Dan Mel Kurier JKDM LTA KL untuk dikeluarkan Notis Lucuthak untuk tujuan pelupusan . Barang larangan di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2008 dan Akta Perdagangan Strategik 2010 tidak boleh dikembalikan kepada pengirim dan penerima mengikut akta yang telah ditetapkan dan penerima tidak boleh menuntut bungkusan/parcel yang telah dilucuthak Kastam.

Oleh yang demikian sistem yang dibangunkan ini dapat membantu melancarkan proses merekod, mengemaskini dan memantau barang tahanan didalam Stor Tahanan Kastam . Selain itu sistem ini dapat membantu pihak Kastam membuat analisis dan profiling bagi bungkusan/parcel/penerima yang dibawa masuk ke Malaysia melalui bungkusan/parcel mel udara untuk dijadikan statistik dimasa hadapan. Selain itu pengurusan barang tahanan yang dibuat dapat menjimatkan masa dan lebih bersistematik berbanding kaedah manual.

## **2. PENYATAAN MASALAH**


Maklumat parcel dan bungkusan yang ditahan sementara direkodkan secara manual menggunakan aplikasi Ms Excell dan tidak bersistematik. Hal ini menyebabkan keselamatan data yang disimpan di dalam komputer pengguna boleh dimanipulasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dengan menukar maklumat atau memadam rekod yang telah disimpan . Selain itu proses carian untuk mengesan parcel/bungkusan yang ditahan untuk tujuan tuntutan atau proses lucuthak menjadi lambat kerana rekod yang sedia ada tidak dikemaskini. Ini mengakibatkan lambakan barang tahanan di di dalam stor tahanan yang menyebabkan ruang simpanan menjadi sempit kerana terdapat barang-barang yang telah tamat tempoh tidak dilucuthak dalam masa yang ditetapkan. Ianya boleh menjejaskan imej dan integriti jabatan sekiranya cawangan tersebut masih mengekalkan kaedah manual untuk tujuan rekod dan semakan dan pemantauan parcel dan bungkusan pos yang ditahan.

### 3. OBJEKTIF KAJIAN

Membangunkan sistem pemantauan parcel dan bungkusan pos yang ditahan sementara oleh pihak kastam sementara menunggu kelulusan dari pihak OGA. Sistem ini akan membantu pegawai stor dan cawangan Pos Mel Dan Kurier untuk merekod, menyemak, mengemaskini dan memantau barang tahanan yang disimpan di dalam stor tahanan Kastam. Selain itu beberapa fungsi baru diperkenalkan seperti penyimpanan data bagi barang-barang yang dilupuskan dan dapat membuat profailing dagangan, negara pengirim dan penerima untuk tujuan statistik dan laporan pada masa akan datang.

### 4. METODOLOGI KAJIAN

Untuk pembagunan sistem ini , kaedah metodologi yang digunakan adalah Model “Waterfall” (Alan D, et.2006). Dalam kaedah ini terbahagi kepada beberapa fasa seperti yang ditunjukkan didalam rajah dibawah. Kesemua fasa ini perlu dilakukan dengan teliti kerana setiap fasa akan mempengaruhi fasa yang berikutnya dalam pembangunan sistem.



Rajah 1: Model “Waterfall” (Alan D, et.2006)

#### 4.1 Fasa Perancangan

Fasa ini melibatkan proses mengenal pasti pernyataan masalah, iaitu mendapatkan maklumat yang dikehendaki oleh pengguna sistem dan mendapatkan “user requirement” untuk proses pembangunan sistem dan perjalanan sistem. Objektif projek turut dikaji bagi menyelesaikan perkara-perkara yang terdapat di dalam pernyataan masalah.

#### 4.2 Fasa Analisis

Fasa analisis akan dijalankan bagi menganalisis keperluan sistem. Ia melibatkan kajian dan perancangan pembangunan sistem dan projek. Fasa ini juga akan menerangkan tentang sistem sedia ada dengan sistem-sistem setara agar kekurangan sistem dapat diperbaiki. Perkara yang perlu dilakukan di dalam fasa ini ialah menganalisis keperluan pengguna serta sistem yang akan dibangunkan. Ini dibuat bagi melihat keberkesanan sistem tersebut kepada pihak sasaran.

#### 4.3 Fasa Rekabentuk

Antara perkara yang perlu dilaksanakan dalam fasa ini adalah menghasilkan reka bentuk pangkalan data, reka bentuk antaramuka pengguna serta spesifikasi output dan input. Pengaturcaraan akan merekabentuk prosedur kemasukan data yang tepat supaya data yang digunakan di dalam sistem maklumat adalah betul. Antaramuka yang direka bentuk bertindak sebagai perantara di antara pengguna dengan sistem dan bertujuan memudahkan pengguna menggunakan sistem tersebut.

#### 4.4 Fasa Pembangunan


Fasa implementasi melibatkan pembangunan sistem sebenar di mana pembangunan aturcara sistem (coding) akan dilaksanakan menggunakan perisian yang bersesuaian iaitu menggunakan *Framework Laravel*, *PHP Composer* dan *Sublime Editor*. Pembangunan pangkalan data bagi sistem dilaksanakan dengan teliti kerana pangkalan data merupakan tunjang kepada sesebuah sistem untuk berfungsi dengan baik. Selain itu fasa ini turut melibatkan proses pengujian aturcara dan pengujian sistem. Proses pengujian juga dibuat supaya ralat dan kelemahan pada sistem dapat dikenalpasti agar sistem dapat diperbaiki.

#### 4.5 Fasa Pengujian

Fasa ini akan menentukan sistem yang dibangunkan mampu untuk beroperasi dengan baik atau sebaliknya. Pengujian akhir secara menyeluruh perlu dijalankan sebelum sistem digunakan. Pengujian akhir ini akan melibatkan seluruh komponen aplikasi dan pakej perisian tambahan sekiranya ada dan diuji dengan mengambil kira semua kebarangkalian senario. Sekiranya hasil pengujian memerlukan pengubahsuaian dan pembaikan, fasa pembangunan akan diulang di mana versi yang berjaya dibangunkan akan diletakkan untuk beroperasi sehingga aplikasi berjaya menepati segala tuntutan yang dirancang

#### 5. HASIL KAJIAN

Bahagian ini membincangkan hasil daripada proses pembangunan Sistem Pemantauan Barang Tahanan (CPMOS). Penerangan secara keseluruhan tentang rekabentuk dan pembangunan sistem yang telah dihasilkan didalam projek ini dibincangkan.




Rajah 2 : Use Case Diagram bagi sistem CPMOS

Berikut adalah antaramuka yang dibangunkan bagi sistem CPMOS untuk menggunakan sistem ini pengguna perlu mempunyai ID Pengguna dan Katalaluan yang telah ditetapkan ununtuk mengguna modul-modul yang terdapat di dalamnya.


Rajah 3: Antaramuka Log Masuk Sistem CPMOS

Sekiranya pengguna berjaya log masuk ke dalam sistem Paparan Laman Papan Pemuka Utama (*Dashboard*) Sistem CPMOS akan dipaparkan.




Rajah 4 : Antaramuka Laman Utama CPMOS

Kemudian terdapat beberapa bahagian yang boleh diakses yang boleh diklik pada bahagian kiri sistem. Antaramukanya adalah seperti dibawah



Rajah 5: Senarai Menu sistem CPMOS

Untuk mendaftar pengguna baru , klik pada Menu Panel Admin. Modul ini hanya boleh diakses oleh Admin sahaja. Pengguna hanya boleh mengemaskini maklumat seperti katalaluan,nama dan email. Klik pada butang kemaskini untuk mengemaskini maklumat pengguna.



Rajah 6: Antaramuka Modul Pengguna CPMOS



SISTEM PEMANTAUAN BARANG TAHANAN (CPMos) more\_vert ADMIN Log Keluar

home Dashboard

text\_fields Senarai Tahanan

text\_fields Senarai Lupus

text\_fields Kemaskini

widgets Profiling +

widgets Laporan +

widgets Admin Panel -

Senarai Pengguna

Senarai Rujukan

© 2018 CPMos  
Version: 1.0

### Daftar Pengguna

Nama MOHD DZULKARNAIN BIN ISHAK

No.Kad Pengenalan 830411105855

Email m\_dzulkarnain.ishak@customis.gov.my

Katalaluan .....

Peranan Admin

SUBMIT

Rajah 7: Antaramuka Modul Daftar Pengguna CPMOS

SISTEM PEMANTAUAN BARANG TAHANAN (CPMos) Dashboard Senarai Tahanan Admin Panel admin Log Keluar

Profiling -

> Penerima Bungkus

Negara Pengirim

Jenis Dagangan

Laporan

> Senarai Lupus

Senarai Rujukan

Admin Panel -

> Senarai Pengguna

Senarai Rujukan

© 2018 CPMos  
Version: 1.0

### Edit User Form

Nama admin

No.Kad Pengenalan 8888

Email admin@gg.com

Reset Katalaluan Katalaluan Baru

Peranan Admin

SUBMIT

Rajah 8: Antaramuka Kemaskini Maklumat Pengguna CPMOS

SISTEM PEMANTAUAN BARANG TAHANAN (CPMos) more\_vert ADMIN Log Keluar

MAIN NAVIGATION

- home Dashboard
- text\_fields Senarai Tahanan
- text\_fields Senarai Lupus
- text\_fields Kemaskini
- widgets Profiling +
- widgets Laporan +
- widgets Admin Panel -
  - Senarai Pengguna
  - Senarai Rujukan

Senarai Pengguna Daftar Pengguna

Show 10 entries Search

No	Nama	No.KP	Email	Peranan	Tarikh Wujud	Tindakan
1	ADMIN	12345	admin@gg.com	Admin		Kemaskini
2	PEGAWAI STOR	222	sds@gmail.com	Pegawai Stor	2018-04-23 09:04:13	Kemaskini
3	PENGARAH	333	pengarah@ss.com	Pengarah	2018-05-08 08:58:44	Kemaskini
4	PEGAWAI LUPUS	444	plupus@ss.com	Pegawai Lupus	2018-05-08 08:53:28	Kemaskini
5	MOHD DZULKARNAIN BIN ISHAK	830411105855	m_dzulkarnain.ishak@customs.gov.my	Pegawai Stor	2018-05-21 09:42:31	Kemaskini
6	FARADILA BINTI JAMALUDDIN	830317105496	faradila.jamaluddin@customs.gov.my	Pengarah	2018-05-21 09:42:53	Kemaskini
7	AIN NURR FAQIHAH	090909160666	faqihah@customs.gov.my	Pegawai Lupus	2018-05-21 09:43:19	Kemaskini

Showing 1 to 7 of 7 entries Previous 1 Next

© 2018 CPMos  
Version: 1.0

Rajah 9 : Antaramuka Senarai Pengguna CPMOS

Untuk merekod maklumat bungkusan/parcel yang ditahan Pegawai Stor akan login ke dalam sistem CPMos dan klik pada Menu Senarai Tahanan dan klik butang Daftar Barang untuk merekod maklumat bungkusan/parcel yang telah ditahan.

SISTEM PEMANTAUAN BARANG TAHANAN (CPMos) more\_vert MOHD DZULKARNAIN BIN ISHAK Log Keluar

MAIN NAVIGATION

- home Dashboard
- text\_fields Senarai Tahanan
- widgets Profiling +
- widgets Laporan +

Borang Barang Tahanan / Parcel

No. Parcel: EA132717855BE

No. Tahanan Kuaran: 07734

Jenis Dugangan: SENJATA

Berat(KG): 0.5

Nilai(RM): 170.00

Kuantiti: 5

Nama Penerima: ALEX LIEW

No. IC Penerima: No. IC Penerima

Negara: Belgium

Tarikh Tahan: 01.05.2018

Tarikh Tamat: 31.05.2018

Status: OGA

© 2018 CPMos  
Version: 1.0





















Rajah 10 : Antaramuka Daftar Rekod Tahanan Bungkusan/Parcel

SISTEM PEMANTAUAN BARANG TAHANAN (CPMos) MOHD DZULKARNAIN BIN ISHAK Log Keluar

MAIN NAVIGATION

- Dashboard
- Senarai Tahanan**
- Profiling
- Laporan

Copy CSV Excel PDF Print Search:

No	No Parcel	No. Tahanan Kastam	Jenis	Nilai	Negara	Tarikh Tahan	Tarikh Tamat	Status	Tindakan
1	A12345	EA1232Q	BARANG LUKAH	2000	India	04-04-2018	05-05-2018	LANJUTAN	 
2	C1232Z	AE2323X	BARANG LUKAH	122	Malaysia	03-05-2018	03-06-2018	LANJUTAN	 
3	E123	AK123213AZ	BARANG LUKAH	1000	Malaysia	07-05-2018	07-06-2018	LUPUS	 
4	A2321S	G232X	SENJIATA	2000	Malaysia	17-05-2018	20-06-2018	LUPUS	 
5	CR924817663SG	(27)32	Kosmetik	700.00	Singapore	01-05-2018	31-05-2018	FARMASI	 
6	CL635497278DE	(27)33	BARANG LUKAH	30.00	Denmark	01-05-2018	31-05-2018	LUPUS	 
7	EA132717855BE	(27)34	Rokok Putih	500.00	Belgium	01-04-2018	30-05-2018	LUPUS	 
8	EL012421972JP	(27)35	Pakaian	50.00	Japan	15-05-2018	15-06-2018	LUPUS	 
9	CH017944759US	(27)36	Alut Ganti Motosikal	1500.00	United States	30-04-2018	30-05-2018	DITAHAN UNTUK PEMERIKSAAN KASTAM	 
10	CL632299070DE	(27)38	Ubat	250.00	Denmark	15-05-2018	15-06-2018	OGA	 

© 2018 CPMos  
Version: 1.0

Rajah 11 : Antaramuka Senarai Rekod Tahanan Bungkusan/Parcel

Setelah maklumat bungkusan/parcel didaftarkan pegawai stor akan mencetak notis tahanan untuk tujuan diserahkan kepada penerima bungkusan/parcel.



**LABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**  
Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur,  
Cawangan Pusat Mel & Kurier  
Tingkat 1, Bangunan POMH  
64000 KUALA SEPANG, Selangor.  
Telefon: 037773244  
Faksimail: 037773243  
E-mel: labatan@cpm.gov.my



Ruj. Tuan :  
Ruj Kami : KE LH (73)769/06-01 Kit.17 (09)  
Tarikh : 21 May 2018

**HAFIZ SUHAIMI**

Tuan - Puan,

**NOTIS TAHAN DAGANGAN DI BAWAH AKTA KASTAM 1967**

Adalah dimaklumkan bahawa barangan tuan/puan yang dihantar melalui Pos, ada dalam perhatian / tahanan Kastam:

Perihal Barang **Pakaian**  
Kuantiti : 2 KOTAK PARCEL  
No. JK 78 no kastam: (27)35  
Nota Konsaiman No. Daftar Bungkusan : EL012421972JP  
Tarikh Tamat: 15 June 2018

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa:

- Barang berkaitan adalah termasuk di bawah Larangan Import Mutlak (Jadual Pertama) Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2012. Dengan ini barang tersebut dirampas di bawah Seksyen 114 Akta Kastam 1967 dan boleh dilucutkan di bawah Seksyen 126 Akta Kastam 1967.
- Barang tersebut di atas termasuk di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2012. Dengan ini barang berkenaan ditahan (disita) di bawah Seksyen 114 Akta Kastam 1967. Bagaimanapun barang ini boleh dilepaskan dengan syarat tuan/puan mengemukakan Lesen atau Permit dalam tempoh 1 (Satu) Bulan dari tarikh barang diimport dan apa-apa duti Kastam dibayar.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

(ZAIDI BIN HUSSIN)  
Penolong Kanan Pengarah Kastam  
Cawangan Pusat Mel & Kurier,  
LTA KL, Sepang.

Rajah 12 : Notis Tahanan Bungkusan/Parcel

Untuk proses memberi kelulusan lanjutan dan kelulusan lucuthak bungkusan/parcel, Ketua Jabatan Login ke dalam sistem CPMos dan klik pada menu Kemaskini. Senarai permohonan akan dipaparkan dan Ketua Jabatan klik pada butang LULUS untuk mengesahkan permohonan tersebut.

SISTEM PEMANTAUAN BARANG TAHANAN (CPMos)

MAIN NAVIGATION

- Dashboard
- Kemaskini**
- Profiling
- Laporan

Senarai Tahanan Bungkusan / Parcel Lupus

Copy CSV Excel PDF Print

No	No Parcel	No. Tahanan Kastam	Jenis	Nilai	Negara	Tarikh Tahan	Tarikh Tamat	Status	Tindakan
1	EL012421972JP	(2/735	Pakaian	50.00	Japan	2018-05-15	2018-05-15	MOHON MELAKUKAN	LULUS
2	CH017944755US	(2/736	Alat Ganti Motosikal	1500.00	United States	2018-04-30	2018-05-30	MOHON MELAKUKAN	LULUS

Showing 1 to 2 of 2 entries

Previous 1 Next

© 2018 CPMos  
Version: 1.0

Rajah 13 : Antaramuka Kemaskini Status Bungkusan/Parcel

Untuk melupuskan bungkusan/parcel Pegawai Pelupus akan login kedalam sistem CPMos dan klik pada menu Senarai Lupus. Kemudian klik pada butang LUPUS untuk mengesahkan prses pelupusan bungkusan/parcel tersebut.

SISTEM PEMANTAUAN BARANG TAHANAN (CPMos)

MAIN NAVIGATION

- Dashboard
- Senarai Lupus**
- Profiling
- Laporan

Senarai Tahanan Bungkusan / Parcel Lupus

Copy CSV Excel PDF Print

No	No Parcel	No. Tahanan Kastam	Jenis	Nilai	Negara	Tarikh Tahan	Tarikh Lupus	Status	Tindakan
1	E123	AK123213AZ	BARANG LUCAH	1000	Malaysia	2018-05-07	2018-05-23	LUPUS	
2	A2321S	G232X	SENJATA	2000	Malaysia	2018-05-17	2018-05-21	LUPUS	
3	CL63549/278DE	(2/733	BARANG LUCAH	30.00	Denmark	2018-05-01	2018-05-21	LUPUS	
4	EA132717858BE	(2/734	Rokok Putih	500.00	Belgium	2018-04-01	2018-05-23	LUPUS	
5	CH017944755US	(2/736	Alat Ganti Motosikal	1500.00	United States	2018-04-30		LUCUT HAK	LUPUS


Showing 1 to 5 of 5 entries

Previous 1 Next

© 2018 CPMos  
Version: 1.0

Rajah 14 : Antaramuka Senarai Bungkusan/Parcel Perlu Dilupuskan

Bagi tujuan penjaanaan laporan, modul ini boleh diakses oleh semua pengguna berdaftar di dalam sistem CPMos. Pengguna login ke dalam sistem dan pilih menu Laporan. 2 Sub menu akan dipaparkan iaitu Menu Senarai Lupus dan Mengikut Tarikh.



SISTEM PEMANTAUAN BARANG TAHANAN (CPMos) FARADILA BINTI JAMALLODIN Log Keluar

MAIN NAVIGATION

- Dashboard
- Kemaskini
- Profiling
- Laporan
  - Senarai Lupus
  - Mengikut Tarikh

Laporan Tahanan Bungkus / Parcel Lupus

Copy CSV Excel PDF Print Search


No	No Parcel	No. Tahanan Kastam	Jenis	Nilai	Negara	Tarikh Tahan	Tarikh Lupus	Status
1	E123	AK123Z13AZ	BARANG LUCAH	1000	Malaysia	07-05-2018	23-05-2018	LUPUS
2	A2321S	G232X	SENJATA	2000	Malaysia	17-05-2018	23-05-2018	LUPUS
3	CL635H9/2/8DE	(2/333	BARANG LUCAH	30.00	Denmark	01-05-2018	21-05-2018	LUPUS
4	EA132/17855BE	(2/334	Rekuk Putih	500.00	Belgium	01-04-2018	20-05-2018	LUPUS

Showing 1 to 4 of 4 entries

Previous 1 Next

© 2018 CPMos  
Version: 1.0

Rajah 15 : Antaramuka Laporan Senarai Lupus



SISTEM PEMANTAUAN BARANG TAHANAN (CPMos) FARADILA BINTI JAMALLODIN Log Keluar

MAIN NAVIGATION

- Dashboard
- Kemaskini
- Profiling
- Laporan
  - Senarai Lupus
  - Mengikut Tarikh

Laporan Tahanan Bungkus / Parcel Lupus Mengikut Julat Tarikh

Tarikh Mula  Tarikh Akhir

SUKSES

© 2018 CPMos  
Version: 1.0

Rajah 16 : Antaramuka Laporan Mengikut Tarikh

Di dalam fasa pembangunan juga telah disenaraikan beberapa item untuk diuji, item tersebut ialah kebolehesanan pengujian, perincian item untuk diuji atau tidak diuji, kriteria bagi lulus atau gagal, kriteria gantung dan keperluan semula serta kriteria masuk keluar. Selain itu, fasa ini juga menerangkan pengurusan pengujian iaitu aktiviti dan tugas, persekitaran dan infrastruktur seterusnya risiko dan kontigensi.

## 6. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya Sistem Pemantauan Barang Tahanan (CPMos) ini telah mencapai objektif serta sasaran projek seperti yang telah ditetapkan pada awal pembangunan sistem. Sistem Pemantauan Barang Tahanan (CPMos) ini dapat membantu dalam menguruskan proses-proses barang-barang tahanan di dalam stor tahanan Kastam dengan lebih efektif dan berintegriti. Barang-barang tahanan dapat diuruskan dengan baik dan proses lucuthak serta pelupusan dapat dilakukan dalam tempoh masa yang ditetapkan sekaligus dapat menjimatkan ruang stor barang tahanan. Sistem Pemantauan Barang Tahanan (CPMos) ini dapat menyelesaikan masalah pengurusan yang dihadapi seperti masa, kos dan tenaga kerja pada masa hadapan.

## 7. RUJUKAN

McLeod, R. 1998. *Management Information System. New Jersey*. Prentice Hall, 2001

Zhu Hong, 2012. *Software Design Methodology: From Principles to Architectural Styles*. Elsevier, First edition (20 December 2005)

R. Kelly Rainer, Casey G. Cegielski, 2010, *Introduction to Information Systems : Enabling and Transforming Business*. John Wiley & Sons, 2010

Robert Oshana, 2013. *Software Engineering For Embedded Systems: Methods, Practical Techniques, and Applications*. Newnes, 2013

Narasimha Karumanchi. 2014, *Data Structures and Algorithms Made Easy in Java: Data Structure and Algorithmic Puzzles*. CareerMonk Publications, 2014